



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 11 TAHUN 2007

**PEMBERIAN KENAIKAN BAYARAN PERKHIDMATAN
BAGI PEGAWAI LANTIKAN SECARA *CONTRACT FOR SERVICE***

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan memberi Kenaikan Bayaran Perkhidmatan bagi pegawai lantikan secara *Contract for Service* yang menerima bayaran perkhidmatan berdasarkan terma dan syarat dalam kontrak.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2007 telah melaksanakan pemberian Kenaikan Gaji kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan berkuat kuasa mulai 1 Julai 2007 mengikut kadar seperti di **Jadual** berikut:

Jadual: Kadar Kenaikan Gaji Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan

Kumpulan Perkhidmatan	Gred Jawatan	Peratus
Pengurusan Tertinggi	VU7 hingga VU1 VK7 hingga VK5	7.5
Pengurusan dan Profesional	Gred 41 hingga 54	15
Sokongan 1	Gred 17 hingga 40	25
Sokongan II	Gred 1 hingga 16	35

3. Perenggan 4, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2007 telah menetapkan bahawa ‘pegawai yang layak adalah Pegawai Tetap, Sementara, Kontrak, Sambilan, Guru Sandaran dan Pekerja Khidmat Singkat’. Pegawai Kontrak yang dimaksudkan ialah pegawai kontrak yang dilantik secara *Contract of Service* iaitu lantikan kontrak yang disandarkan kepada gred sesuatu skim perkhidmatan.

KENAIKAN BAYARAN PERKHIDMATAN

4. Kerajaan telah memutuskan pegawai yang dilantik secara *Contract for Service* yang disandarkan kepada gred skim perkhidmatan tertentu layak dibayar kadar Kenaikan Bayaran Perkhidmatan mengikut kadar peratusan yang ditetapkan dalam **Jadual** di perenggan 2.

5. Bagi pegawai yang dilantik secara *Contract for Service* yang dibayar secara pukal, Ketua Jabatan hendaklah merujuk kepada Bahagian Dasar Saraan, Wang Awam dan Khidmat Pengurusan, Perbendaharaan Malaysia.

6. Pegawai yang dilantik secara *Contract for Service* yang dibayar dalam bentuk elaun tidak layak diberi Kenaikan Bayaran Perkhidmatan ini.

TINDAKAN KETUA JABATAN

7. Ketua Jabatan hendaklah mengenal pasti pegawai lantikan *Contract for Service* yang layak dibayar Kenaikan Bayaran Perkhidmatan yang ditetapkan seperti **Jadual** di perenggan 2. Dokumen/ surat perjanjian kontrak baru hendaklah disediakan atau dokumen/ surat perjanjian kontrak sedia ada dipinda, di mana berkenaan.

TARIKH KUAT KUASA

8. Tarikh kuat kuasa Surat Pekeliling Perkhidmatan ialah mulai 1 Julai 2007.

PEMANJANGAN

9. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Surat Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATUK AB. KHALIL BIN AB. HAMID)
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan)
Jabatan Perkhidmatan Awam
Malaysia

23 Ogos 2007

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Badan-Badan Berkanun

Semua Ketua Pengurusan Kuasa-Kuasa Tempatan